

Baca petikan di bawah. Kemudian, **sunting kesalahan kata yang ditebalkan dalam petikan**. Salin semula petikan tersebut.

Bermain dan bersukan merupakan salah satu daripada cara kanak-kanak **melihat** kehidupan keliling mereka di samping **membuat** kemahiran bersosial dalam kalangan rakan sebaya. Dengan bersukan mereka bukan saja dapat bergaul, bahkan berkomunikasi dengan rakan-rakan sekali gus mampu meningkatkan **ketahanan** diri. Begitupun, bagi kebanyakan kanak-kanak yang aktif mereka lazim memilih aktiviti atau sukan lasak yang mendedahkan mereka dengan kecederaan.

Kecederaan semasa melakukan aktiviti lasak dan bersukan sedikit sebanyak akan membataskan **pergaulan** kanak-kanak. Walaupun impaknya mungkin kecil, namun kecederaan semasa bersukan tidak boleh dipandang sebelah mata kerana sesetengah keadaan mungkin boleh menyebabkan kanak-kanak menderita seumur hidup.

Antara sukan yang biasanya boleh menyebabkan kecederaan kepada kanak-kanak ialah bola keranjang, bola sepak, hoki dan sebagainya. Mereka mungkin **menghidapi** kecederaan pada wajah, kaki, lengan dan kepala kerana pergerakan yang tidak dapat dikawal semasa bermain. Semasa berada di padang, kanak-kanak biasanya lincah melakukan pelbagai bentuk pergerakan. Ini sudah pastinya membuatkan mereka **terpamer** dengan pelbagai kecederaan fizikal seperti calar pada wajah, luka pada kaki dan terjatuh semasa bermain.

Cara paling selamat untuk bersukan ini adalah dengan memakai alat yang boleh melindungi mata, siku, lutut dan mulut. Hal ini penting bagi mengelakkan kecederaan terutama pada anggota tubuh yang sensitif. **Penggunaan** kasut yang sesuai seperti kasut sukan boleh menanganinya. Kecederaan semasa bermain bola sepak boleh mengakibatkan kecederaan yang serius dari segi fizikal seperti kaki, kepala dan wajah. Kanak-kanak yang meminati bola sepak mestilah peka dengan keadaan ini kerana kecederaan dalam permainan bola sepak boleh menyebabkan lebam-lebam kepada kaki, wajah dan mungkin **pergerakan** darah dalam otak kerana kepala yang sering digunakan dalam **menendang** bola.

Bagi melakukan aktiviti sukan tanpa kecederaan yang serius, kanak-kanak haruslah peka dengan keadaan sekeliling. Selain itu, ibu bapa juga mestilah sentiasa **mengawal** perkembangan aktiviti sukan anak-anak mereka.

Kesalahan	Pembetulan	Kesalahan	Pembetulan
1 melihat		6 terpamer	
2 membuat		7 penggunaan	
3 ketahanan		8 pergerakan	
4 pergaulan		9 menendang	
5 menghidapi		10 mengawal	